A

Tan Kee Fatt lwn Thiroubathay a/p Kadirapan

B

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — RAYUAN SIVIL NO CB-11BNCVC-2–08 TAHUN 2023
ROSLAN MAT NOR H
27 JUN 2024

C

Prosedur Sivil — Rayuan — Notis rayuan — Responden memohon notis rayuan yang difailkan perayu dibatalkan atas alasan diserahkan melewati tempoh masa — Perayu memohon notis rayuan dianggap teratur dan diserahkan kepada responden dalam tempoh masa — Sama ada serahan notis rayuan adalah penyampaian teratur — Sama ada tempoh masa wajar dilanjutkan — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 55 k 3(4)

D

Ini adalah rayuan oleh perayu tehadap keputusan mahkamah majistret yang memihak kepada responden. Responden memohon notis rayuan yang difailkan perayu pada 15 Ogos 2023 dibatalkan atas alasan notis rayuan tersebut telah diserahkan pada 28 Ogos 2023 yang menyalahi A 55 k 3(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'), kelewatan adalah selama 12 hari. Perayu melalui afidavit balasannya telah menyatakan notis rayuan bertarikh 11 Ogos 2023 telah dikemukan kepada responden melalui emel pada 16 Ogos 2023. Salinan notis rayuan bermeterai tidak diserahkan kepada responden disebabkan ia belum diproses oleh pihak mahkamah. Perayu telah menyerahkan kepada responden melalui emel pada 16 Ogos 2023 dan telah sedar bahawa emel yang dihantar pada 16 Ogos 2023 tersebut telah gagal disampaikan kepada responden. Perayu memohon notis rayuan bertarikh 11 Ogos 2023 yang diserahkan kepada responden secara emel pada 16 Ogos 2023 dianggap teratur dan telah diserahkan kepada responden atas alasan bahawa notis rayuan telah diserahkan dalam tempoh masa yang diperuntukkan di bawah A 55 k 3(4) KKM.

E

F

G

Diputuskan, menolak permohonan perayu dan membenarkan permohonan responden:

H

(1) Salinan pendua notis rayuan hendaklah difailkan dalam tempoh 14 hari selepas keputusan mahkamah majistret iaitu pada atau sebelum 17 Ogos 2023. Salinan pendua notis rayuan tersebut telah disampaikan kepada responden melalui emel pada 16 Ogos 2023 yang dikatakan tidak dapat diterima oleh responden. Ia kemudiannya disusuli dengan emel pada 28 Ogos 2023 yang telah dilampirkan bersama-sama dengan notis rayuan tersebut. Semasa emel tersebut dikemukakan pada 28 Ogos 2023

I

yang diterima oleh responden ia telahpun melewati tempoh yang ditetapkan di bawah A 55 k 3(4) KKM (lihat perenggan 28).

(2) Tiada keterangan yang dapat menunjukkan bahawa responden telah mengarahkan peguam mereka untuk menerima penyampaian dokumen tersebut melalui elektronik. Di samping itu tiada juga afidavit yang dinyatakan di bawah A 63A k 17(5) KKM yang menunjukkan bahawa penyampaian telah dibuat melalui perkhidmatan pemfailan elektronik. Penyampaian yang dikemukakan oleh perayu adalah bukan di bawah maksud A 63A k 17 KKM tetapi adalah penyampaian di bawah A 62 KKM (lihat perenggan 33–34).

(3) Alasan yang diberikan oleh perayu bahawa kelewatan yang berlaku adalah disebabkan sesuatu yang tidak dapat dielakkan adalah tidak dapat diterima. Penyampaian notis rayuan tersebut perlu dibuat dengan teratur di bawah A 62 KKM di mana perayu hendaklah memastikan penyampaian tersebut dibuat mengikut A 62 KKM dan memastikan ianya mematuhi A 55 k 3(4) KKM. Hak perayu untuk mengemukakan rayuan dan tidak dibebani dengan kepatuhan yang ketat kepada KKM perlu diseimbangkan dengan hak responden yang telahpun mendapatkan keputusan yang memihak kepadanya untuk menikmati keputusan penghakiman tersebut. Kegagalan perayu untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah KKM tidak boleh menjadi batu penghalang kepada responden untuk mendapat manfaat daripada penghakiman tersebut. Sekiranya mahkamah menggunakan budi bicara untuk melanjutkan tempoh masa bagi di bawah A 3 k 5 KKM ia akan menyebabkan prejudis dan ketidakadilan kepada responden yang telah memperolehi penghakiman di mahkamah majistret (lihat perenggan 35 & 37–38).

[English summary

This was an appeal by the appellant against the decision of the magistrate's court in favour of the respondent. The respondent sought to have the notice of appeal filed by the appellant on 15 August 2023 struck out on the grounds that the notice of appeal was submitted on 28 August 2023, which contravened O 55 r (3)(4) of the Rules of Court 2012 ('the ROC'), resulting in a delay of 12 days. The appellant, through his affidavit in response, stated that the notice of appeal dated 11 August 2023 was submitted to the respondent via email on 16 August 2023. A sealed copy of the notice of appeal was not submitted to the respondent because it had not been processed by the court. The appellant submitted it to the respondent via email on 16 August 2023, and was aware that the email sent on 16 August 2023 had failed to be delivered to the respondent. The appellant requested that the notice of appeal dated 11 August 2023, which was submitted to the respondent via email on 16 August 2023, be considered valid and deemed submitted to the respondent on the grounds that

the notice of appeal was submitted within the time frame stipulated under O 55 r (3)(4) of the ROC.

Held, dismissing the appellant's application and allowing the respondent's application:

(1) A duplicate copy of the notice of appeal must be filed within 14 days after the decision of the magistrate's court, that was, on or before 17 August 2023. The duplicate copy of the notice of appeal was served to the respondent via email on 16 August 2023, which was claimed to be not received by the respondent. It was then followed up with an email on 28 August 2023, attaching the notice of appeal. However, when the email dated 28 August 2023 was received by the respondent, it was already beyond the period stipulated under O 55 r 3(4) of the ROC (see para 28).

(2) There was no evidence showing that the respondent had instructed their lawyer to accept service of the document electronically. Additionally, there was also no affidavit as required under O 63A r 17(5) of the ROC to indicate that service was affected through electronic filing services. The service submitted by the appellant did not fall under the meaning of O 63A r 17 of the ROC but instead constituted service under O 62 of the ROC (see paras 33–34).

(3) The reason provided by the appellant, claiming that the delay was caused by unavoidable circumstances, was not acceptable. The service of the notice of appeal must be properly affected under O 62 of the ROC, where the appellant must ensure that the service was conducted in accordance with O 62 of the ROC and complied with O 55 r 3(4) of the ROC. The appellant's right to file an appeal without being burdened by strict adherence to the ROC must be balanced against the respondent's right to enjoy the judgment in their favour. The appellant's failure to comply with the provisions under the ROC could not be a barrier to the respondent's entitlement to the benefits of the judgment. Should the court exercise its discretion to extend the time under O 3 r 5 of the ROC, it would result in prejudice and injustice to the respondent who had obtained a judgment in the magistrate's court (see paras 35 & 37–38).]

Kes-kes yang dirujuk

Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar Al-Haj Tunku Mahkota Johor v Datuk Captain Hamzah bin Mohd Noor and another appeal [2009] 4 MLJ 149; [2009] 4 CLJ 329, MP (dirujuk)

Hunter v Chief Constable of West Midlands Police [1982] AC 529, HL (dirujuk)

Johnson v Gore Wood & Co (a firm) [2002] 2 AC 1, HL (dirujuk)

National Union of Bank Employees v Director General of Trade Unions & Anor [2013] 6 MLJ 167; [2013] 5 AMR 729, MP (dirujuk)

Saeed U Khan v Lee Kok Hooi [2001] 5 MLJ 416, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 1A, A 2, A 3 k 5, A 55 k 3(4), A 62, A 62 k 6, A 63A, A 63A k 17, 17(2), (3), (4), (5), A 92 kk 3B, 4

Hoe Wei Ee (BH Koh, Soong, Zarin & Partners) bagi pihak perayu.
Amanda Sonia Mathew (Raj & Sach) bagi pihak responden.

Roslan Mat Nor H:

PENGENALAN

[1] Kes ini bermula daripada keputusan majistret. Perayu telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.

[2] Di mahkamah ini melalui kertas mahkamah ('KM') 3, responden memohon supaya mahkamah ini membatalkan notis rayuan yang difailkan perayu pada 15 Ogos 2023. Alasan permohonan tersebut ialah notis rayuan itu telah diserahkan pada 28 Ogos 2023 yang menyalahi A 55 k 3(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'), kelewatan adalah selama 12 hari.

[3] Permohonan di KM3 ini disokong oleh afidavit Amanda Sonia Mathew yang diikrarkan pada 7 September 2023. Dalam afidavit tersebut, responden menyatakan bahawa penghakiman telah diberikan oleh mahkamah majistret pada 3 Ogos 2023 bagi jumlah RM25,800. Pada 4 September 2023 responden telah menghantar notis tuntutan untuk bayaran tersebut dari perayu namun telah diabaikan oleh perayu.

[4] Responden juga menyatakan bahawa terdapat kekhilafan pada notis rayuan tersebut apabila diletakkan Mahkamah Tinggi Ipoh di Negeri Perak Darul Ridzuan dan bukannya Mahkamah Tinggi Temerloh di Negeri Pahang Darul Makmur.

[5] Perayu melalui afidavit Hoe Wei Se dalam afidavit balasan permohonan responden di KM3 telah menyatakan notis rayuan bertarikh 11 Ogos 2023 telah dikemukakan kepada responden melalui emel pada 16 Ogos 2023. Salinan notis rayuan bermeterai tidak diserahkan kepada responden disebabkan ia belum diproses oleh pihak mahkamah.

[6] Pada 28 Ogos 2023, peguam cara perayu telah menghantar indeks rekod rayuan untuk kelulusan responden. Sistem e-filing mahkamah telah menetapkan pengurusan kes pada 15 September 2023. Perayu telah menyerahkan kepada responden melalui emel pada 16 Ogos 2023 dan telah sedar bahawa emel yang dihantar pada 16 Ogos 2023 tersebut telah gagal disampaikan kepada responden.

[7] Seterusnya bagi KM7, perayu memohon mahkamah ini memutuskan bahawa notis rayuan bertarikh 11 Ogos 2023 yang diserahkan kepada peguam cara responden secara emel pada 16 Ogos 2023 dianggap teratur dan telah diserahkan kepada responden. Alasan permohonan ini adalah notis rayuan telah diserahkan dalam tempoh masa yang diperuntukkan di bawah A 55 k 3(4) KKM 2012.

[8] Hoe Wei Ee dalam afidavit yang diikrarkan pada 11 September 2023 menyatakan fakta-fakta yang dicerakinkan di dalam afidavit tersebut menunjukkan perayu pada setiap masa berniat untuk meneruskan dengan rayuan. Notis rayuan telah diserahkan kepada peguam cara perayu melalui emel dengan secepat mungkin. Ia tidak akan memprejudiskan responden.

[9] Responden melalui afidavit jawapan untuk KM7 ini menyatakan bahawa hanya selepas 25 hari dari tarikh penghakiman 3 Ogos 2023 baru menerima notis rayuan melalui emel iaitu pada 28 Ogos 2023. Responden menyatakan bahawa tarikh luput penyerahan notis rayuan tersebut adalah pada 17 Ogos 2023.

[10] Selain daripada itu, responden menyatakan bahawa disebabkan notis rayuan itu mencatatkan Mahkamah Tinggi Ipoh maka pengurusan kes pada 15 September 2023 adalah di Mahkamah Tinggi Ipoh. Kecacatan tersebut tidak wajar diputuskan oleh mahkamah.

ANALISA

[11] Kaedah-kaedah mahkamah diwujudkan bagi menggariskan tatacara pengendalian kes, pendengaran, perbicaraan dan rayuan. Ia bagi membolehkan perjalanan kes sivil berjalan dengan lancar bagi membolehkan keadilan ditegakkan kepada pihak-pihak yang mencari keadilan melalui prosiding sivil. Malahan terdapat kaedah-kaedah yang memperuntukkan tempoh masa bagi memfailkan sesuatu dokumen.

[12] Namun begitu, dengan mengambil kira kepentingan keadilan dan kealpaan dan kekhilafan yang mungkin dilakukan terdapat peraturan A 1A KKM 2012 yang menekankan keperluan hakim untuk mengutamakan keadilan daripada isu-isu teknikal dan ketidakpatuhan kepada Kaedah-Kaedah Mahkamah ('KKM') 2012. Malahan A 2 KKM 2012 menyatakan kesan kepada ketidakpatuhan KKM 2012.

[13] Seterusnya, bagi kegagalan mematuhi tempoh masa yang diperuntukkan di bawah KKM 2012 telah diberikan budibicara kepada mahkamah untuk melanjutkan tempoh masa tersebut di bawah A 3 k 5 KKM 2012. Aturan 92 k 4 KKM 2012 telah memperuntukkan kepada kuasa sedia

ada mahkamah bagi menghalang ketidakpatuhan dan penyalahgunaan proses mahkamah.

[14] Pada hemat mahkamah paksi utama peruntukan-peruntukan di atas ialah untuk memastikan keadilan tidak dikorban di atas kekhilafan yang boleh membawa kepada kezaliman. Ia tidak bermakna pihak-pihak boleh membelakangkan Kaedah-Kaedah Mahkamah ekoran daripada kelalaian atau ketidakpatuhan yang disengajakan tanpa alasan yang kukuh. Mahkamah Persekutuan menyatakan hal ini dalam kes *Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar Al-Haj Tunku Mahkota Johor v Datuk Captain Hamzah bin Mohd Noor and another appeal* [2009] 4 MLJ 149; [2009] 4 CLJ 329.

[15] Pada hemat mahkamah ini penelitian kepada aturan-aturan dalam KKM 2012 hendaklah dilihat secara menyeluruh dan tidak hanya menumpukan kepada aturan-aturan tertentu secara terpisah dengan aturan-aturan yang lain. Pada masa yang sama semasa meneliti aturan-aturan tersebut mahkamah juga perlu mengambil kira tafsiran yang telah diberikan berkenaan aturan-aturan tersebut dan juga arahan-arahan amalan yang dikeluarkan seperti yang diperuntukkan di bawah A 92 k 3B KKM 2012 seperti berikut:

> 3B. Arahan amalan (A 92 k 3B)
>
> (1) Ketua Hakim Negara selepas berunding dengan Hakim Besar boleh mengeluarkan apa-apa arahan amalan sebagaimana yang difikirkan perlu —
>
> (a) bagi melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini dengan lebih baik; atau
>
> (b) sekiranya Ketua Hakim Negara berpendapat bahawa hal keadaan mewajarkan dan adalah perlu demi kepentingan pelaksanaan keadilan, kesejahteraan awam, keselamatan awam, kesihatan atau kesusilaan awam atau bagi sebab lain yang mencukupi untuk berbuat demikian.
>
> (2) Hakim Besar selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara boleh mengeluarkan apa-apa arahan amalan sebagaimana yang difikirkan perlu bagi melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini dengan lebih baik.

[16] Jika ini dilakukan ia dapat membolehkan mahkamah memahami aturan-aturan tersebut dalam perspektif yang menyeluruh. Pada masa yang sama mahkamah juga perlu memastikan bahawa pematuhan kepada aturan-aturan tersebut adalah bertujuan bagi membolehkan keadilan dalam suatu prosiding sivil dapat dilaksanakan. Pada masa yang sama ketidakpatuhan kepada mana-mana aturan tidak boleh dikesampingkan sekiranya ia

menjejaskan keadilan. Dalam erti kata lain peruntukan aturan-aturan tersebut tidak boleh digunakan bagi menutup kecuaian atau ketidakpatuhan aturan yang disengajakan oleh mana-mana pihak. Dalam hal ini mahkamah meneliti pandangan yang dinyatakan oleh Lord Diplock dalam kes *Hunter v Chief Constable of West Midlands Police* [1982] AC 529 seperti berikut:

> It concerns the inherent power which any court of justice must possess to prevent misuse of its procedure in a way which, although not inconsistent with the literal application of its procedural rules, would nevertheless be manifestly unfair to a party to litigation before it, or would otherwise bring the administration of justice into disrepute among right-thinking people.

[17] Pada masa yang sama mahkamah juga perlu mengambil perhatian bahawa setiap individu adalah berhak untuk mengemukakan kes di mahkamah termasuklah rayuan yang dikemukakan terhadap keputusan mahkamah bawahan. Oleh itu ketidakpatuhan yang tidak menjejaskan keadilan tidak sewajarnya menjadi penghalang kepada pengemukaan rayuan tersebut di mahkamah. Ia bagi membolehkan mahkamah memberi peluang kepada pihak-pihak mengemukakan kes mereka di mahkamah. Ini dinyatakan oleh Lord Bingham of Cornhill dalam kes *Johnson v Gore Wood & Co (a firm)* [2002] 2 AC 1 seperti berikut:

> The rule of law depends upon the existence and availability of courts and tribunals to which citizens may resort for the determination of differences between them which they cannot otherwise resolve. Litigants are not without scrupulous examination of all the circumstances to be denied the right to bring a genuine subject of litigation before the court.

[18] Dalam nada yang sama Mahkamah Persekutuan dalam kes *Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar Al-Haj Tunku Mahkota Johor v Datuk Captain Hamzah bin Mohd Noor and another appeal* telah menjelaskan berkenaan kegagalan pihak-pihak mematuhi KKM 2012 dan apakah pendekatan yang perlu diambil dengan menyatakan seperti berikut:

> Now to O 1A of the RHC. This order relates to the administering of Rules of the High Court 1980. In order to invoke O 1A, parties must apply the object of the Rules first. Order 1A reads as follows:
>
> > O 1A Court or Judge shall have regard to justice
> >
> > In administering any of the rules herein the court or a judge shall have regard to the justice of the particular case and not only to the technical non-compliance of any of the rules herein.
>
> That order came into force on 17 May 2002 vide PU (A) 197/2002, well after the first renewal of both the Shah Alam and Kuala Lumpur writs.
>
> The technical non-compliance of any rule may be remedied where there is an accidental omission or oversight by a party. A general provision such as O 1A of the

RHC is for the court or judge to give heed to justice over technical non-compliance. It must not supersede a mandatory requirement of the Rules. Order 1A cannot be invoked when a party intentionally disregards in complying with the Rules. Otherwise, parties would be encouraged to ignore the Rules. Thus in this case, O 1A of the RHC does not apply as the respondents had intentionally disregarded O 6 r 7(2A) for their own reasons.

It is now necessary to determine the meaning of the phrase '... technical non-compliance ...' in O 1A of the RHC as it will assist in identifying the breaches contemplated by the rule. Useful guidance is provided by the meaning of the phrase 'technical defect' considered in *Gangadhar Dandawate v Premechand Kashyap* AIR 1958 MP 182 where AH Khan J said at p 184:

> It is not always easy to define what the expression 'technical defect' means. A technical defect in law is one which may come within the four corners of it, but it does not affect the merits of the case. It is a mistake which does not go to the core of the matter. Their Lordships of the Supreme Court in *Pratap Singh v Shrikrishna Gupta* AIR 1956 SC 140 (C), have observed:
>
> > that the tendency of the courts towards technicality is to be deprecated, that it is the substance that counts and must take precedence over mere form. Some rules are vital and go to the root of the matter: they cannot be broken; others are only directory and a breach of them can be overlooked provided there is substantial compliance with the rules read as whole and provided no prejudice ensues; and when the legislature does not itself state which is which, judges must determine the matter, and, exercising a nice discrimination, sort out one class from the other along broad based, common sense lines. This principle was enunciated by Viscount Maugham in *Punjab Co-operative Bank Ltd, Amritsar v Income-tax Officer, Lahore* AIR 1940 PC 230 (D).

In the context of the Rules of the High Court 1980 the phrase '... technical non-compliance ...' is thus a reference to non-compliance with a rule which is not fundamental or mandatory in nature.

The *Malaysian Court Practice 2007 Desk Edition* lists at p 9, a failure to renew a writ for service as a breach of a fundamental kind. The answer to the first question also shows that O 6 r 7(2A) of the RHC which deals with the service of a writ is mandatory. It follows that O 1A of the RHC cannot be invoked to cure the failure to comply with the prerequisites O 6 r 7(2A) of the RHC.

As I had mentioned in court, if O 1A is sought to be invoked whenever a party fails to comply with any provision of the rules, then the whole of the Rules of the High Court 1980 would be rendered useless. For example, can failure to enter appearance or file defence within the specified period be considered as an irregularity? Of course it cannot be. A party who is late in filing the relevant papers must obtain an order from the court to extend the time, if such extension is required and is permitted by the RHC. Therefore, the answer to question two is in the negative.

[19] Penelitian kepada kes-kes tersebut di atas menunjukkan bahawa ketidakpatuhan kepada aturan-aturan mahkamah tidak boleh digunakan

sebagai perisai kepada kesilapan, kecuaian dan kealpaan pihak-pihak dalam mematuhi mana-mana aturan yang diperuntukkan di bawah KKM 2012. Apa yang lebih penting ialah adakah ketidakpatuhan tersebut telah menimbulkan ketidakadilan kepada pihak perayu dan responden. Mahkamah perlu menimbangkan perkara tersebut berdasarkan kepada fakta dalam sesuatu kes atau setakat mana ketidakpatuhan itu ditunjukkan telah berlaku ekoran daripada tindakan yang tidak dapat dielakkan oleh pihak-pihak.

[20] Dalam kes ini, bagi KM7 alasan yang diberikan oleh pihak perayu ialah ketidakaturan yang timbul tidak akan memprejudiskan responden dan ketidakaturan tersebut adalah tidak disengajakan. Ini dapat dilihat dalam perenggan 16, 17 dan 18 afidavit sokongan. Dalam afidavit tersebut juga dinyatakan bahawa notis rayuan yang tidak termeterai telah dikemukakan kepada pihak responden melalui emel pada 16 Ogos 2023. Selain daripada itu salinan termeterai notis rayuan tersebut telah diperolehi oleh peguam cara perayu pada 28 Ogos 2023.

[21] Mahkamah juga perlu menimbangkan sama ada alasan penyerahan notis rayuan yang tidak termeterai itu melalui emel adalah satu penyampaian yang teratur bagi maksud pematuhan kepada KKM 2012. Jika mahkamah bersetuju dengan penyampaian tersebut teratur maka tidak timbul isu bahawa notis rayuan tersebut tidak dikemukakan dengan sewajarnya. Dalam hal ini mahkamah merujuk kepada A 63A KKM 2012 yang memperihalkan tatacara penyampaian dokumen secara elektronik yang dirujuk oleh perayu. Adalah didapati bahawa A 63A KKM 2012 ini merujuk kepada pemfailan dokumen secara elektronik. Ia melibatkan pemfailan dokumen-dokumen secara elektronik di mahkamah. Namun begitu terdapat A 63A k 17 KKM 2012 yang memperihalkan tatacara pemfailan dokumen menggunakan perkhidmatan elektronik termasuklah penyampaian secara elektronik seperti berikut:

> 17 Penyampaian dokumen menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik (A 63A k 17)
>
> (1) Sekiranya suatu dokumen —
>
> (a) selain suatu dokumen yang dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah ini untuk disampaikan secara ke diri; atau
>
> (b) adalah dokumen yang dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah ini untuk disampaikan secara ke diri dan pihak yang kepadanya hendak disampaikan telah bersetuju supaya dokumen itu disampaikan menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik,
>
> dikehendaki di bawah mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini untuk disampaikan kepada mana-mana orang dan orang itu ialah seorang pengguna berdaftar atau diwakili oleh seorang peguam yang juga merupakan seorang pengguna berdaftar (disebut dalam Kaedah-Kaedah ini sebagai orang yang kepadanya dokumen itu disampaikan), penyampaian itu boleh disempurnakan dengan

menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik tertakluk kepada apa-apa arahan Mahkamah atau apa-apa arahan amalan pada masa itu yang dikeluarkan bagi maksud itu.

(2) Bagi maksud subperenggan (1)(b), suatu pihak yang mengarahkan peguamnya untuk menerima penyampaian suatu dokumen yang dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah ini untuk disampaikan secara ke diri hendaklah disifatkan telah bersetuju untuk disampaikan menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik.

(3) Dokumen itu hendaklah disifatkan telah disampaikan melalui penghantaran elektronik daripada sistem komputer pengguna berdaftar pada tarikh dan masa bahagian pertama penghantaran itu diterima dalam sistem komputer Mahkamah.

(4) Orang yang menyampaikan dokumen itu boleh mengemukakan suatu rekod penyampaian kepada orang yang kepadanya dokumen itu disampaikan yang dikeluarkan oleh sistem komputer Mahkamah atau biro perkhidmatan sebagai keterangan penyampaian, juga tarikh dan masa penyampaian itu.

(5) Orang yang menyampaikan dokumen itu boleh memfailkan bukti penyampaian melalui perkhidmatan pemfailan elektronik.

(6) Apabila suatu dokumen perlu disampaikan oleh orang yang menyampaikan dokumen itu kepada lebih daripada seorang, dia boleh membuat penyampaian menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik kepada orang itu yang merupakan pengguna berdaftar dan perenggan (1), (3), (4) dan (5) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai dengan sewajarnya dengan ubah suaian yang perlu.

[22] Dalam hujahan bertulis perayu telah dinyatakan bahawa penyerahan notis rayuan tersebut telah dibuat kepada alamat emel peguam responden pada 16 Ogos 2023 dan 28 Ogos 2023. Malahan kegagalan untuk menghantar emel tersebut pada 16 Ogos 2023 adalah suatu masalah teknikal yang tidak dapat dijangka oleh pihak perayu sehingga menyebabkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah A 55 k 3(4) KKM 2012 telah luput. Dalam erti kata lain perayu menyatakan bahawa notis rayuan yang tidak bermeterai itu telah dikemukakan kepada responden.

[23] Mahkamah ini memahami hujahan yang dikemukakan oleh perayu bahawa kesilapan yang dilakukan dalam notis rayuan dengan meletakkan Mahkamah Tinggi Ipoh adalah sesuatu yang hanya merupakan kesilapan perkeranian dan ia tidak sepatutnya menentukan keesahan notis rayuan tersebut. Ia adalah suatu yang teratur. Oleh itu dalam hujahan perayu, mahkamah wajar menggunakan budi bicara untuk membenarkan permohonan di KM7.

[24] Sebaliknya peguam cara responden dalam hujahan berkaitan dengan

KM7 menyatakan bahawa tempoh masa untuk memfailkan notis rayuan telah tamat bagi kes ini pada 17 Ogos 2023 setelah mahkamah memutuskan kes ini pada 3 Ogos 2023. Oleh itu responden menyatakan bahawa pengemukaan notis rayuan oleh perayu sudahpun melewati tempoh masa tersebut. Malahan responden berhujah bahawa sewajarnya notis rayuan yang tidak bermeterai tersebut boleh diserahkan kepada responden.

[25] Mahkamah ini telah meneliti afidavit balasan Hoe Wei Ee dan mendapati terdapat emel daripada peguam cara perayu bertarikh 19 Ogos 2023 iaitu di eksh 'H2' yang mencatatkan seperti berikut:

> *Address not found*
>
> Your message wasn't delivered to *amanda@rajsach.com* because the address couldn't be found, or is unable to receive mail.

[26] Seterusnya emel pada 'H1' afidavit tersebut pula yang disertakan dengan surat bertarikh 28 Ogos 2023 menyatakan bahawa notis rayuan yang bertarikh 11 Ogos 2023 dikemukakan sebagai penyerahan kepada pihak responden. Dalam hal ini mahkamah juga meneliti kepada notis rayuan yang menunjukkan bahawa tarikh pemfailan ialah pada 15 Ogos 2023 jam 10.23 pagi. Dalam notis rayuan tersebut diletakkan rayuan tersebut ke Mahkamah Tinggi Malaya di Ipoh. Apa yang menarik ialah di notis rayuan tersebut tarikh yang dicatatkan adalah pada 11 Ogos 2023. Ia difailkan di mahkamah majistret Cameron Highlands walaupun dalam notis rayuan itu dinyatakan di Mahkamah Tinggi Ipoh. Semakan kepada notis rayuan juga mendapati ia telah difailkan pada tarikh 15 Ogos 2023 iaitu sebelum tamat tempoh rayuan pada 17 Ogos 2023.

[27] Urutan peristiwa kepada pemfailan notis rayuan ini perlu diteliti oleh mahkamah dan menimbangkannya bersama-sama dengan alasan yang diberikan oleh perayu untuk permohonan di KM7 bagi mahkamah ini mempertimbangkan pelanjutan tempoh masa disebabkan tempoh masa penyerahan kepada responden telah dikatakan dibuat di luar masa seperti yang diperuntukkan di bawah A 55 k 3(4) KKM 2012. A 55 k 3(4) KKM memperruntukkan seperti berikut:

> *3 Notis rayuan terhadap keputusan yang dibuat selepas perbicaraan (A 55 k 3)*
>
> (1) Suatu notis rayuan terhadap keputusan yang dibuat selepas perbicaraan hendaklah sebahagian besarnya dalam Borang 111 dan hendaklah difailkan di Mahkamah yang daripadanya keputusan itu dirayu.
>
> (2) Mana-mana perayu boleh merayu terhadap keseluruhan atau sebahagian daripada penghakiman atau perintah dan notis rayuan hendaklah menyatakan sama ada keseluruhan atau sebahagian sahaja, dan bahagian apa, daripada penghakiman atau perintah yang diadukan itu.

(3) ...

(4) *Suatu salinan pendua notis rayuan mestilah disampaikan oleh perayu dalam masa yang dihadkan untuk memfailkan rayuan kepada semua responden.*

(5) Bagi suatu rayuan di bawah kaedah ini, perayu hendaklah, dalam tempoh yang dihadkan untuk memfailkan rayuan, memohon kepada Mahkamah yang dirayu itu secara bertulis untuk nota prosiding dan alasan penghakiman.

(6) Keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes rayuan suatu keputusan selepas perbicaraan hendaklah diumumkan dalam Mahkamah terbuka, sama ada semasa pendengaran rayuan itu atau pada bila-bila masa selepas itu yang notis hendaklah diberikan kepada pihak-pihak kepada rayuan itu.

[28] Ini bermakna salinan pendua notis rayuan itu hendaklah difailkan dalam tempoh 14 hari selepas keputusan mahkamah majistret iaitu pada atau sebelum 17 Ogos 2023. Dalam kes ini salinan pendua notis rayuan tersebut telah disampaikan kepada responden melalui emel pada 16 Ogos 2023 yang dikatakan tidak dapat diterima oleh responden. Ia kemudiannya disusuli dengan emel pada 28 Ogos 2023 yang telah dilampirkan bersama-sama dengan notis rayuan tersebut. Dalam erti kata lain semasa emel itu dikemukakan pada 28 Ogos 2023 yang diterima oleh responden ia telahpun melewati tempoh yang ditetapkan di bawah A 55 k 3(4) KKM 2012.

[29] Persoalan dalam kes ini ialah adakah kelewatan tersebut boleh dipertimbangkan untuk mahkamah melanjutkan tempoh masa tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah A 3 k 5 KKM 2012. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa pertimbangan yang perlu dibuat semasa melanjutkan satu tempoh masa di bawah A 3 k 5 tersebut telah dinyatakan dalam kes *National Union of Bank Employees v Director General of Trade Unions & Anor* [2013] 6 MLJ 167; [2013] 5 AMR 729 seperti berikut:

> [27] The grant of extension of time by the court is one of discretion by virtue of O 3 r 5 of the RHC. The principle to be applied by the court is settled. In *Saeed U Khan v Lee Kok Hooi* [2001] 5 MLJ 416; [2000] AMEJ 0026, it was held that, the court should consider certain factors, when exercising its discretion to extend time, namely: (1) the delay in making an application; (2) whether or not there are cogent reasons for the litigant not to have made the application within the prescribed time; and (3) the likelihood and degree of prejudice, as well as injustice to the opposite party should the court exercise its discretion. In the present appeal, the application for extension of time was made before the hearing of the judicial review application and the respondents were not prejudiced by this application as they had been duly served with all the cause papers prior to the application itself. In exercising its discretion, the court must have regard to justice. This is in line with the provision in O 1A of the RHC (see *Maxwell v Keun* [1928] 1 KB 645; *Walker v Walker* [1967] 1 WLR 327).

[30] Dalam kes *Saeed U Khan v Lee Kok Hooi* [2001] 5 MLJ 416 YA Hakim Faiza Tamby Chik telah menyatakan seperti berikut: A

> In exercising its discretion under O 3 r 5(1) of the RHC, the court should take into account certain factors, such as:
>
> (a) the delay in making the application; B
>
> (b) whether or not there are cogent reasons for the litigant not to have made the application within the prescribed time;
>
> (c) the likelihood and degree of prejudice, as well as the injustice to the opposite party should the court exercise its discretion. C

[31] Dalam kes ini adalah didapati bahawa permohonan KM7 ini dibuat pada 11 Ogos 2023 iaitu lebih kurang 14 hari dari tarikh 28 Ogos 2023. Ia adalah suatu tempoh yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah dan bukanlah satu jangka masa tempoh yang terlalu panjang daripada tarikh 28 Ogos 2023 tersebut. D

[32] Seterusnya berkenaan dengan alasan yang dikemukakan oleh perayu berkenaan kelewatan tersebut mahkamah juga mendapati bahawa sebab kelewatan penyerahan salinan pendua notis rayuan kepada responden adalah disebabkan penyampaian yang pertama melalui emel tersebut telah tidak diketahui oleh perayu ianya gagal diterima oleh responden. Selain daripada itu notis rayuan yang difailkan pada 15 Ogos 2023 tersebut dikatakan masih tidak bermeterai dan ia tidak diserahkan kepada responden. Dalam hal ini mahkamah perlu melihat sama ada A 63A k 17 KKM 2012 adalah terpakai dalam penyampaian notis rayuan yang tidak bermeterai itu kepada responden pada 16 Ogos 2023. Bagi menjawab persoalan tersebut mahkamah perlu melihat adakah KKM 2012 telah dipatuhi oleh pihak perayu bagi menyatakan bahawa penyampaian tersebut adalah satu penyampaian yang teratur atau boleh dipertimbangkan untuk menjadikan ia teratur melalui permohonan ini. E F G

[33] Ia adalah penting disebabkan mahkamah perlu berpuas hati kehendak A 63A k 17 KKM 2012 telah dipatuhi bagi mengambil kira bahawa sama ada penyampaian itu adalah sah atau tidak teratur. Dalam kes ini mahkamah mendapati tiada keterangan yang dapat menunjukkan bahawa responden telah mengarahkan peguam cara mereka untuk menerima penyampaian dokumen tersebut melalui elektronik. Di samping itu tiada juga afidavit yang dinyatakan di bawah A 63A k 17(5) KKM 2012 yang menunjukkan bahawa penyampaian telah dibuat melalui perkhidmatan pemfailan elektronik. H I

[34] Dalam hal ini mahkamah perlu melihat atau membezakan di antara penyampaian yang dibuat oleh perayu kepada responden melalui emel 16 Ogos 2023 itu adalah merupakan penyampaian yang dibuat di bawah A 62

KKM 2012 atau di bawah A 63A k 17 KKM 2012. Mahkamah berpendapat sekiranya penyampaian tersebut hendak digunakan di bawah A 63A k 17 KKM 2012 maka mahkamah perlu berpuas hati kepada kepatuhan A 63A k 17(2), (3), (4) dan (5) KKM 2012 tersebut. Ia tidak sedemikian dalam kes ini. Oleh itu mahkamah berpendapat penyampaian yang dikemukakan oleh perayu adalah bukan di bawah maksud A 63A k 17 KKM 2012 tetapi adalah penyampaian di bawah A 62 KKM 2012. Apa yang jelas adalah penyampaian dokumen dalam konteks ini notis rayuan adalah dinyatakan perihal penyampaiannya seperti di bawah A 62 k 6 KKM 2012 yang telah memperincikan seperti berikut:

> 6 Penyampaian biasa: Bagaimana dilaksanakan (A 62 k 6)
>
> (1) Penyampaian apa-apa dokumen, yang bukan dokumen mengikut Kaedah-Kaedah ini dikehendaki disampaikan secara kediri, bolehlah dilaksanakan-
>
> (a) dengan meninggalkan dokumen itu di alamat yang sewajarnya orang yang hendak disampaikan dokumen itu;
>
> (b) dengan pos berdaftar berbayar dahulu;
>
> (c) dengan faksimile mengikut perenggan (3);
>
> (cc) dengan cara komunikasi elektronik mengikut apa-apa arahan amalan yang dikeluarkan bagi maksud itu;
>
> (d) mengikut cara lain sebagaimana yang dipersetujui antara pihak yang menyampaikan dengan pihak yang disampaikan; atau
>
> (e) mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.
>
> (2) Bagi maksud kaedah ini, dan seksyen 2 Akta Tafsiran 1948 dan 1967, dalam pemakaiannya bagi kaedah ini, alamat yang sewajarnya bagi mana-mana orang yang kepadanya dokumen itu hendak disampaikan mengikut kaedah ini adalah alamat untuk penyampaian bagi orang itu, tetapi jika pada masa penyampaian itu dilaksanakan orang itu tidak mempunyai alamat penyampaian, maka alamatnya yang sewajarnya bagi maksud yang disebut terdahulu adalah —
>
> (a) dalam apa-apa hal, alamat perniagaan peguam, sekiranya ada, yang bertindak bagi pihaknya dalam prosiding yang berkaitan dengannya penyampaian dokumen yang berkenaan hendak dilaksanakan;
>
> (b) dalam hal seorang individu, alamatnya yang biasa atau yang terakhir diketahui;
>
> (c) dalam hal individu yang membawa guaman atau dibawa guaman atas nama firma, tempat utama perniagaan atau tempat perniagaan yang terakhir diketahui bagi firma itu dalam bidang kuasa; atau
>
> (d) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, pejabat berdaftar atau pejabat utama pertubuhan itu.
>
> (3) Suatu penyampaian dengan faksimile bolehlah dilaksanakan jika —

(a) pihak yang menyampaikan dokumen itu bertindak melalui peguam;

(b) pihak yang kepadanya dokumen itu disampaikan bertindak melalui peguam dan penyampaian dilaksanakan melalui penghantaran ke alamat perniagaan peguam itu;

(c) peguam yang bertindak bagi pihak yang kepadanya dokumen itu disampaikan telah menunjukkan secara bertulis kepada peguam yang menyampaikan dokumen itu bahawa dia mahu menyetuju terima penyampaian melalui faksimile di nombor faksimile yang dinyatakan dan dokumen itu dihantar ke nombor itu; dan bagi maksud ini teraan nombor faksimile pada kertas bertulis peguam hendaklah disifatkan untuk menunjukkan bahawa peguam itu mahu menyetuju terima penyampaian melalui faksimile di nombor itu mengikut perenggan ini melainkan jika dia menyatakan selainnya secara bertulis; dan

(d) dalam tiga hari selepas hari penyampaian melalui faksimile peguam yang bertindak bagi pihak yang menyampaikan dokumen itu menyampaikan sesalinannya kepada peguam yang bertindak bagi pihak yang satu lagi dengan apa-apa cara penyampaian lain yang dinyatakan dalam perenggan (1), dan sekiranya dia gagal berbuat demikian, dokumen itu hendaklah disifatkan tidak pernah disampaikan melalui faksimile.

(4) Tiada apa jua dalam kaedah ini hendaklah dianggap sebagai melarang penyampaian kediri apa-apa dokumen atau sebagai menjejaskan apa-apa undang-undang bertulis yang memperuntukkan cara yang dokumen itu boleh disampaikan kepada pertubuhan perbadanan.

[35] Oleh itu dalam kes ini mahkamah berpendapat alasan yang diberikan oleh perayu bahawa kelewatan yang berlaku adalah disebabkan sesuatu yang tidak dapat dielakkan adalah tidak dapat diterima oleh mahkamah. Ini adalah disebabkan penyampaian notis rayuan tersebut perlu dibuat dengan teratur di bawah A 62 KKM 2012 di mana perayu hendaklah memastikan penyampaian tersebut dibuat mengikut A 62 KKM 2012 tersebut dan memastikan ianya mematuhi A 55 k 3(4) KKM 2012.

[36] Ini tidak bermakna mahkamah melihat pematuhan A 62 KKM 2012 dan A 55 k 3(4) KKM 2012 begitu ketat sehingga tidak memberi ruang kepada perayu untuk mengemukakan rayuannya ke mahkamah. Ia seolah-olah menyebabkan hak perayu telah disekat daripada mengemukakan ketidakpuasan hati dia terhadap keputusan mahkamah majistret. Adakah ini bercanggah dengan prinsip atau hak perayu yang sewajanrya dihomati oleh mahkamah. Pada hemat mahkamah ini walaupun perayu mempunyai hak tersebut yang tidak sewajarnya dihalang oleh mahkamah namun ia perlu

dilakukan mengikut peruntukkan di bawah KKM 2012.

[37] Mahkamah ini berpendapat hak perayu untuk mengemukakan rayuan dan tidak dibebani dengan kepatuhan yang ketat kepada KKM 2012 perlu diseimbangkan dengan hak responden yang telahpun mendapatkan keputusan yang memihak kepadanya untuk menikmati keputusan penghakiman tersebut. Kegagalan perayu untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah KKM 2012 tidak boleh menjadi batu penghalang kepada responden untuk mendapat manfaat daripada penghakiman tersebut. Jika ini dilakukan ia telah menimbulkan ketidakadilan kepada responden di mana pihak yang tidak mematuhi peraturan di bawah KKM 2012 tanpa mempunyai alasan yang sewajarnya diutamakan daripada pihak responden yang telah memperolehi penghakiman melalui proses perbicaraan di bawah undang-undang.

[38] Setelah menimbang afidavit-afidavit perayu dan responden serta ekshibit-ekshibit yang dikemukakan mahkamah berpendapat bahawa sekiranya mahkamah menggunakan budi bicara untuk melanjutkan tempoh masa bagi di bawah A 3 k 5 KKM 2012 ia akan menyebabkan prejudis dan ketidakadilan kepada responden yang telah memperolehi penghakiman di mahkamah majistret.

[39] Oleh itu pada hemat mahkamah pihak yang ingin mendapatkan keadilan dalam prosiding sivil dengan mengemukakan satu rayuan hendaklah memastikan bahawa peruntukan-peruntukan di bawah KKM 2012 dipatuhi dengan sewajarnya. Jika ini tidak dilakukan ia akan menyebabkan KKM 2012 tidak akan membawa makna kepada pihak- pihak. Ia membawa maksud sekiranya pelanjutan tempoh masa dibenarkan dengan sewenang-senangnya tanpa alasan yang sewajarnya ia akan menyebabkan tempoh masa yang ditetapkan itu akan menjadi barang hiasan yang tidak dipatuhi oleh mana-mana pihak. Ia adalah disebabkan pihak yang telah melewati tempoh masa tersebut akan berpandangan bahawa ianya tidak akan menjejaskan mereka disebabkan mahkamah akan melanjutkan tempoh masa tersebut atas alasan kegagalan mahkamah untuk melanjutkan tempoh masa tersebut akan menjejaskan hak mereka untuk didengar oleh mahkamah. Pada hemat mahkamah ini adalah satu khayalan dalam suatu prosiding sivil yang tidak boleh dipertahankan oleh mahkamah. Oleh itu mahkamah berpendapat permohonan perayu melalui KM7 adalah ditolak dengan kos.

[40] Seterusnya, berkenaan dengan KM3 ia adalah permohonan daripada pihak responden untuk membatalkan notis rayuan dalam kes ini. Adalah sesuatu jelas dan nyata apabila mahkamah tidak membenarkan KM7 ia membawa maksud KM3 dengan sendirinya perlu dibenarkan oleh mahkamah. Ini adalah disebabkan kegagalan mematuhi A 55 k 3 (4) KKM 2012 itu sendiri telah menjadikan notis rayuan tersebut adalah cacat dan wajar untuk

dibatalkan. Akhirnya KM3 dibenarkan dengan kos.

Permohonan perayu ditolak dan permohonan responden dibenarkan.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh